

**PELAKSANAAN KONSEP AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR DALAM PERSATUAN
PENGGUNA ISLAM MALAYSIA (PPIM)
IMPLEMENTATION OF THE CONCEPT OF AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR IN THE
MALAYSIAN ISLAMIC CONSUMER ASSOCIATION (PPIM)**Muhammad Syafiq Bin Din^{1*}, Ahmad Irdha Bin Mokhtar²¹Calon sarjana Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, shafiqdin7@gmail.com²Pensyarah Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, irdha@ukm.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Artikel ini membincangkan pelaksanaan konsep amar makruf nahi mungkar dalam sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) merupakan NGO yang bergiat aktif dalam melaksanakan konsep amar makruf nahi mungkar kepada seluruh Malaysia. PPIM ini merupakan satu persatuan yang ingin menjaga hak-hak pengguna yang ditindas oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam masa yang sama melaksanakan syariat amar makruf nahi mungkar. Ini bertujuan untuk memastikan pengguna Islam Malaysia sentiasa mendapat pembelaan apabila mereka ini ditindas. Menyedari hakikat itu terdapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM 2021) dalam melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar dalam usaha memperjuangkan nasib pengguna Islam di Malaysia seperti cabaran PPIM (2021) dalam melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar. Untuk mengatasi kesemua permasalahan berikut, perlu adanya kajian pelaksanaan konsep amar makruf nahi mungkar dalam Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM 2021) ini dijalankan bagi memastikan PPIM (2021) sentiasa berada dijalan yang betul. Justeru itu, kajian ini sesuai dengan bertepatan untuk dijalankan bagi mengetahui Pelaksanaan Konsep amar makruf nahi mungkar dalam kalangan penggiat aktivis PPIM (2021). Metodologi kajian ini ialah data-data yang dikumpul oleh pengkaji sama ada dalam bentuk data atau huraian yang menggunakan metod kajian seperti penyelidikan perpustakaan, analisis dokumen yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis atau dokumen. Hasil kajian ini yang diperolehi bahawa pelaksanaan Konsep Amar makruf nahi mungkar dalam organisasi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) adalah perlu adanya ilmu, lemah lembut, sabar, warak, berakhlak mulia dalam melaksanakan perintah ini. Implikasi daripada hasil kajian ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan buat para pendakwah di luar sana dalam melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar.

Kata kunci

Pelaksanaan, Konsep, Amar Makruf, Nahi Mungkar, Persatuan Pengguna Islam Malaysia.

Abstract

This article discusses the implementation of the concept of amar makruf nahi mungkar in an organization. In relation to that, the Malaysian Muslim Consumers Association (PPIM) is an NGO that is active in implementing the concept of amar makruf nahi mungkar to the whole of Malaysia. PPIM is an association that wants to protect the rights of consumers who are oppressed by irresponsible parties while at the same time implementing the syariat amar makruf nahi mungkar. This is to ensure that Malaysian Muslim consumers always get protection when they are oppressed. Recognizing that fact, there are various problems faced by the Malaysian Muslim Consumers Association (PPIM 2021) in implementing the amar makruf nahi mungkar order in an effort to fight for the fate of Muslim consumers in Malaysia such as the challenge of PPIM (2021) in implementing the amar makruf nahi mungkar order. To overcome all the following problems, there is a need for a study on the implementation of the concept of amar makruf nahi mungkar in the Malaysian Muslim Consumers Association (PPIM 2021) to ensure that PPIM (2021) is always on the right track. Therefore, this study is appropriate to be conducted to find out the implementation of the concept of amar makruf nahi mungkar among PPIM activists (2021). The methodology of this study is the data collected by the researcher either in the form of data or descriptions that use research methods such as library research, document analysis consisting of written materials or documents. The results of this study obtained that the implementation of the Concept of Amar makruf nahi mungkar in the organization of the Malaysian Islamic Consumers Association (PPIM) is the need for knowledge, meekness, patience, piety, noble morals in

implementing this order. Implications from the results of this study can add knowledge for the preachers out there in carrying out the command of amar makruf nahi mungkar.

Keywords

Implementation, Concept, Amar Makruf, Nahi Mungkar, Malaysian Muslim Consumers Association.

1.0 Pengenalan

Konsep amar ma'ruf nahi mungkar berasal daripada peristilahan daripada ayat al-quran yang bermaksud "mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran". Mengajak kebaikan ialah mengajak manusia kepada Allah atau mentaati perintah Allah dan mencegah daripada melakukan perkara-perkara mungkar. Mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan ciri utama masyarakat orang-orang beriman yang benar, dan menjelaskan risalahnya dalam kehidupan ini, kecuali ada perintah yang jelas atau unjuran dan dorongan bagi orang-orang beriman untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, maka tidak hairan jika masyarakat muslim menjadi masyarakat yang mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran kerana kebaikan negara dan rakyat tidak sempurna kecuali dengannya.

Konsep amar makruf nahi mungkar ini dapat dikaitkan dengan salah satu persatuan yang kini giat melaksanakan usaha ini, persatuan tersebut ialah Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). PPIM ini telah ditubuhkan pada jun 1997 dengan inisiatif sekumpulan ahli professional yang terdiri daripada doktor, pensyarah universiti, para ilmunan agama dan individu-individu yang prihatin tentang permasalahan kepenggunaan dalam Islam. Penubuhan ini adalah bertujuan untuk menjaga dan membela hak dan mengembalikan maruah para pengguna Islam, melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang proaktif dan berstrategi. Melalui penyebaran maklumat dan pendidikan yang terancang dan berstrategi. Melalui penyebaran maklumat dan pendidikan yang terancang, adalah diharapkan setiap pengguna Islam benar-benar sedar dan bersama-sama menyumbang untuk mengembalikan maruah umat Islam yang kian tercemar dan terabai. PPIM (2021) berusaha dengan gigih untuk menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi umat Islam khususnya dan ekonomi Malaysia amnya sebagai ikhtiar untuk menjana ke arah perubahan yang positif dalam kehidupan ummah. Jadi sudah jelas bahawa PPIM (2021) ini merupakan salah satu persatuan Islam yang ada di Malaysia yang aktif menjalankan kegiatan amar ma'ruf nahi mungkar iaitu mencegah dan membasmi kemungkaran yang berlaku di Malaysia ini.

Rentetan itu juga, konsep amar makruf nahi mungkar tidak asing lagi dalam penganut Islam malah ia merupakan konsep yang sangat asas serta dituntut dalam Islam. Di dalam al-quran dan as-sunnah juga ada menerangkan dengan begitu jelas sekali mengenai konsep ini. Amar makruf nahi mungkar ini membawa maksud mengajak, menyuruh, dan menyeru ke arah kebaikan, mencegah atau menghalang daripada melakukan perkara mungkar atau yang ditegah oleh agama Islam. (Al-Nawai 1994). Jadi sekiranya matlamat seorang manusia adalah untuk mendapatkan keredhaan daripada Allah S.W.T. dan mendapat nikmat Al-Falah iaitu kejayaan di dunia dan akhirat maka konsep amar makruf nahi mungkar ini sudah menjadi sebahagian daripada matlamat yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah terhadap seseorang manusia. Hal ini kerana sesungguhnya setiap dalam kalangan muslim itu adalah bersaudara dan perlulah ada perasaan untuk saling nasihat-menasihati serta sayang-menyayangi. Oleh yang demikian, setiap seorang muslim akan merasa takut dan sedih jika melihat saudara maranya yang membuat perkara-perkara yang mungkar dan tersasar daripada landasan syariat Islam. Maka ia sudah menjadi satu tanggungjawab terhadap muslim tersebut untuk menyeru, mengajak, serta menasihati dan menghalang serta mencegah mereka daripada terus melakukan kemungkaran dan inilah dinamakan sebagai konsep amar makruf nahi mungkar.

Perkara ini jelas bahawa konsep amar ma'ruf nahi mungkar ini perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Konsep ini perlu dilaksanakan secara seiring atau seimbang iaitu perlu laksana konsep amar ma'ruf nahi mungkar. Jika hanya dilaksanakan konsep amar ma'ruf sahaja maka perkara mungkar yang berlaku akan menjadi lebih parah dan berleluasa. Jika hanya melaksanakan konsep nahi mungkar sahaja maka yang ajak mengajak kepada kebaikan tidak ada dan akan menyebabkan bilangan untuk berbuat baik semakin sedikit. Oleh itu, dalam melaksanakan konsep ini perlu ada kelompok yang melaksanakan konsep amar ma'ruf dan perlu ada juga kelompok yang menjalankan konsep Nahi mungkar. Di Malaysia, kelompok yang menjalankan konsep amar ma'ruf nahi mungkar ini sudah terlalu

banyak manakala kelompok yang menjalankan konsep nahi mungkar ini bukan semua institusi yang melaksanakan malah hanya beberapa persatuan sahaja yang sanggup melaksanakan konsep nahi mungkar ini. Hal ini disebabkan cabaran dan dugaan untuk melaksanakan konsep nahi mungkar ini sungguh berat dan memerlukan pengorbanan dan jihad yang sangat tinggi.

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah banyak mempergiatkan lagi usaha untuk melaksanakan amar makruf nahi mungkar dan khususnya nahi mungkar memandangkan kebelakangan ini telah banyak berlaku perkara-perkara yang menyalahi landasan syarak yang berlaku di Malaysia. Oleh itu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia telah memainkan peranan sebagai sebuah institusi yang melaksanakan amar makruf nahi mungkar agar perkara yang lebih buruk tidak akan berlaku. PPIM (2021) juga akan menerima segala aduan daripada semua pengguna Islam Malaysia dan akan menyelesaikan segala masalah daripada aduan yang diterima.

Sejajar dengan itu, kajian ini mengenai konsep amar makruf nahi mungkar yang digunakan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Kajian ini akan membincangkan dan menumpukan terhadap penganalisisan aspek metode dakwah yang berfokus kepada konsep amar makruf nahi mungkar yang digunakan, mengkaji pengurusan dakwah dan kegiatan persatuan yang dijalankan, dan menganalisis kes-kes yang berjaya diselesaikan oleh persatuan tersebut.

2.0 Permasalahan Kajian

Kebelakangan ini, banyak permasalahan yang tidak diingini telah berlaku terutamanya yang melibatkan pengguna-pengguna di Malaysia. Kebanyakan hak pengguna-pengguna ini telah ditindas oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara yang sedemikian rupa jika tidak dibanteras dengan sebaik mungkin akan menyebabkan perkara ini menjadi lebih serius dan sekaligus akan membebankan para pengguna Malaysia. Menindas hak pengguna merupakan satu kesalahan atau kemungkaran dan ini perlu ditindas dan ini juga dikategorikan sebagai usaha dalam melaksanakan konsep nahi mungkar.

Darsa warsa ini, Malaysia kini dikejutkan dengan isu hangat iaitu terdapat pertubuhan Islam iaitu Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) kini yang giat dalam mencegah kemungkaran yang berlaku secara berleluasa di Malaysia. Asalnya kewujudan PPIM di Malaysia ini tidak dikenali oleh masyarakat dan disebabkan persatuan tersebut berjaya menangani isu dengan baik dan telah tular melalui media massa maka persatuan tersebut sudah menjadi terkenal serta hangat diperkatakan oleh masyarakat Malaysia. Persatuan Pengguna Islam Malaysia disambut dengan baik oleh masyarakat Malaysia dan telah membuka minda masyarakat terhadap fungsi dan kelebihan persatuan tersebut dalam menangani perkara-perkara mungkar yang berlaku di Malaysia yang sudah kian lama tidak diambil tindakan. Tambahan itu juga, persatuan ini juga menentang sekeras-kerasnya terhadap perkhidmatan peminjam wang yang mempunyai unsur Riba' yang lebih dikenali di mata masyarakat iaitu 'Ah-Long'. Perkara ini jelas bahawa persatuan ini sentiasa menjaga dan membela hak-hak pengguna yang telah dicabul oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sejajar dengan itu, nilai keberkesanan dalam usaha melaksanakan amar makruf nahi mungkar ini sangat dititikberatkan. Hal ini kerana jika melakukan sesuatu perkara atau usaha tetapi tidak mengambil kisah dalam aspek keberkesanan maka ia merupakan pekerjaan yang sia-sia. Jadi setiap institusi dakwah perlu mengambil kisah terhadap usaha amar makruf nahi mungkar yang telah dijalankan. Untuk mendapat keberkesanan dalam sesuatu usaha amar makruf nahi mungkar yang dijakankan, mestilah terdapat beberapa strategi atau elemen-elemen yang boleh menyebabkan berlakunya beberapa kesan. Sebagai contoh, usaha perlaksanaan amar makruf nahi mungkar yang dilaksanakan oleh intitusi-institusi dakwah dengan melaksanakan operasi pencegahan maksiat menimbulkan persoalan mengenai hikmah dan keberhasilan daripada pelaksanaan operasi tersebut.

Oleh yang demikian, tugas melaksanakan amar makruf nahi mungkar khususnya kepada pengguna-pengguna yang ditindas ini adalah merupakan tanggungjawab Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Perkara ini secara tidak langsung akan membantu dan mengurangkan beban para pengguna di Malaysia apabila menerima masalah dan ditindas oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab. Tambahan itu juga, kesan daripada usaha PPIM ini juga dalam menangani masalah pengguna atau melaksanakan amar makruf nahi mungkar ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kes-kes penipuan dan penindasan terhadap pengguna Malaysia. Rentetan itu, permasalahan kajian yang terdapat dalam kajian ini adalah sejauhmanakah kefahaman masyarakat terhadap konsep amar

makruf nahi mungkar? Pengkaji juga hendak meninjau peranan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dalam pelaksanaan amar makruf nahi mungkar. Selain itu, pengkaji juga akan mengkaji kes-kes yang berjaya diselesaikan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Selaras dengan itu, pengkaji akan mengkaji mengenai pengetahuan masyarakat mengenai kewujudan dan peranan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Berkaitan dengan permasalahan kajian tersebut pengkaji akan menggunakan metode kajian perpustakaan dan metode kajian lapangan dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan permasalahan kajian ini.

3.0 Konsep Dakwah PPIM

Perkataan dakwah berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang membawa kepada maksud seruan, panggilan, ataupun ajakan (Anon 1994). Seterusnya, menurut kamus Dewan (2005 : 305), dakwah dapat didefinisikan sebagai kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Manakala menurut Ibn Manzur (1990) telah memberi definisi iaitu perkataan dakwah ialah meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, dan melaung.

Menurut daripada Muhammad al-Ghazali (1981) berpendapat dakwah adalah satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkat-Nya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tuntutan dan matlamat hidup dan menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka. Manakala menurut al-Nuri (1979) telah menafsirkan bahawa konsep dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia dari kesesatan yang hampir mereka terjerumus ke dalamnya.

Seterusnya, al-Qaradawi (1978) mendefinisikan perkataan dakwah bermaksud mengajak kepada Islam. Mengikuti petunjuknya, mengukuhkan manhaj-Nya, memohon pertolongan dan taat hanya kepada-Nya. Membenarkan apa yang dibenarkan oleh-Nya, menyalahkan apa yang disalahkan-Nya, menyeru kepada makruf, mencegah kepada yang mungkar, dan berjihad di jalan Allah S.W.T atau dengan kata lain yang lebih mudah adalah berdakwah kepada Islam secara khusus dan sepenuhnya tanpa balasan dan imbalan.

Menurut Abd al-Karim Zaydan (2009) menyatakan dakwah ialah panggilan ke Jalan Allah S.W.T sebagaimana yang Allah khabarkan melalui al-Quran Surah Yusuf 12:108,

قُلْ هُدَىٰ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعِيَ وَسُبْحٰنَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ١٠٨

Maksudnya :

Katakanlah, “Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikuti mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata, Maha suci Allah, dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik.”
Surah Yusuf (12):108

Dakwah adalah usaha untuk membangun tamadun ummah yang berpaksikan Islam melalui pembentukan peribadi, masyarakat dan negara supaya berada dalam acuan Allah yang mana matlamatnya adalah untuk mendapat kesejahteraan dan rahmat ilahi bagi kejayaan didunia dan diakhirat (Abd Aziz Mohd Zin, 2013).

Manakala Zaki Mash'al (1985) menyatakan bahawa dakwah ini didefinisikan sebagai kebangkitan ulama dan orang yang memunyai kesedaran agama dalam melaksanakan tugas dan mengajar orang ramai tentang ilmu dan pengajaran yang boleh menunjukkan mereka jalan dunia dan akhirat. Sejajar dengan itu, dakwah juga didefinisikan sebagai menggalakkan manusia melakukan kebaikan, hidayah, dan mar makruf nahi munkar agar mereka mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Tambahan itu, dakwah adalah satu misi untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan atau kejahatan yang berlaku dan memberikan peringatan kepada mereka tentang perkara-perkara buruk yang dibimbangi mereka akan terjebak dalam kancahnya.

Sementara itu, Wan Hussien Azmi (1984) pula merumuskan dakwah mengikut empat bahagian iaitu memberangsangkan manusia kepada kebaikan dan petunjuk kepada Allah S.W.T., menyuruh membuat kebaikan dan melarang melakukan kejahatan supaya mereka mendapat kebahagiaan dunia

dan akhirat. Menyelamatkan manusia daripada kesesatan atau kejahatan dan memberi peringatan kepada mereka supaya menjauhkan mereka daripada perkara yang boleh menyebabkan datangnya kemurkaan Allah S.W.T serta balasan azab. Pelaksanaan alim ulama dan individu yang memahami ilmu agama, mengajar orang ramai supaya memahami perkara-perkara agama dan dunia sekadar kuasa yang ada pada mereka. Program yang sempurna meliputi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia supaya memahami tujuan hidup mereka dan supaya mereka dapat mengetahui jalan-jalan yang menghimpunkan iaitu menyatukan mereka untuk mendapatkan hidayah.

Menurut Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali (2008) berpendapat dakwah adalah satu kegiatan seruan bagi tujuan manusia kepada kebahagiaan, keadilan, dan kemakmuran yang bermatlamat akhirnya mencapai keredhaan Allah S.W.T dalam kehidupan. Begitu juga Aidah Hartini (2012) menafsirkan bahawa dakwah adalah merupakan satu gerakan dalam usaha untuk menyeru dan memberikan tunjuk ajar kepada manusia agar sentiasa yakin dan percaya kepada agama Islam dan membawa kepada perubahan yang lebih baik dalam kehidupan berdasarkan kepada kaedah pelaksanaan amarmakruf nahi munkar.

Definisi dakwah ini ialah lebih kepada satu aktiviti dan usaha menyeru, membimbing dan menasihati seseorang sama ada terhadap individu atau kelompok secara sedar, bersistematik dan bijaksana agar timbul kefahaman, kesedaran dan keyakinan ke arah penghayatan cara hidup Islam yang melibatkan perubahan peribadi dan tingkah laku yang sempurna untuk menentukan matlamat kehidupan di dunia dan mendapatkan keredhaan Allah S.W.T di akhirat (Amaludin, 2008).

Menurut Razaleigh Muhammad (2014) berpendapat bahawa dakwah merupakan usaha amar makruf nahi munkar memberi nilai dan mewarnai suasana yang kondusif terhadap sistem dan corak hidup masyarakat manusia dalam semua aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan dan lain – lain. Dalam erti kata lain perkataan amar makruf nahi munkar menyeru manusia mengamalkan ajaran dan nilai Islam dengan menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada melakukan perbuatan munkar adalah satu tanggungjawab dan merupakan amanah yang mesti dipikul oleh semua muslim dan terutama bagi orang yang memunyai kuasa dalam memerintah dan mentadbir negara.

Sejajar dengan itu, menurut Abd Hadi (2016) turut mendefinisikan pengertian dakwah ialah suatu usaha menyeru atau mengajak manusia kepada mentauhid atau akidah Islam, menyeru kepada kebenaran Islam, memandu daripada kesesatan kepada perintah Allah, membimbing atau membangunkan jiwa manusia dengan jalan hidayah, membawa manusia kepada kesejahteraan dunia dan akhirat, melepaskan manusia daripada menyembah taghut dan sistem berkaitan dan memandu manusia kepada pandangan seruan Islam. Istilah dakwah merupakan istilah khusus seruan kepada Islam, bahkan turut meliputi maksud konseptual yang tidak menggunakan istilah dakwah secara khusus. Penggunaannya bersifat luas, namun dalam konteks ini, dapat diperjelaskan bahawa definisi dakwah lebih khusus dengan usaha menyeru manusia untuk menerima Islam atau memeluk Islam. Dakwah dijalankan bertujuan pengislaman melalui usaha yang tersusun dalam menyeru mengajak golongan non-muslim kepada agama Islam. Hal ini bukan sahaja untuk memenangi hati manusia supaya menyembah Allah dan beribadah kepada-Nya. Malahan itu juga, perkara ini memberikan erti setiap manusia sebagai insan daripada kelinciran kepercayaan. Bahkan memberi ruang manusia berfikir dan bertafakur sebagai menghidupkan semula fungsi rohani dalam kehidupan di dunia ini.

Menurut daripada Roslieza Rosli (2021) dalam kajian disertasi beliau memberikan tafsiran dakwah adalah suatu kaedah untuk menyampaikan Islam kepada sasaran dakwah dengan pelbagai pendekatan supaya mudah diterima dan tidak menyusahkan. Begitu juga dengan Ma Razhanlaily (2018) menyatakan hal yang sama bahawa dakwah adalah satu aktiviti yang menyeru individu atau masyarakat kepada kebaikan dan meninggalkan kejahatan dengan melaksanakan prinsip amar makruf nahi munkar. Hal ini seharusnya pelaksanaan usaha dakwah mestilah dilaksanakan oleh setiap individu dalam masyarakat bagi mendapatkan keredhaan Allah S.W.T.

Kesimpulannya, berdasarkan definisi-definisi yang telah diberi maka dapat dirumuskan oleh pengkaji berkaitan dengan istilah dakwah yang membawa maksud satu seruan, ajakan, teguran, nasihat, perbuatan ajakan dan satu usaha pelaksanaan mengajak manusia untuk melaksanakan seluruh perintah Allah S.W.T dan meninggalkan seluruh perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T. Merujuk kepada perkara ini dapat dijelaskan bahawa kesemua ini merupakan usaha pelaksanaan yang mesti

atau wajib dituntut oleh setiap manusia yang bergelar muslim sama ada individu, masyarakat, kelompok institusi mahuon mereka yang memegang tampuk pemerintahan. Oleh yang demikian, usaha pelaksanaan dakwah ini adalah wajib untuk dilaksanakan terhadap seluruh masyarakat. Oleh itu, tugas menyampaikan dakwah bukanlah hanya terletak kepada golongan yang digelar ustaz sahaja malah tugas ini meliputi kepada seluruh manusia yang bergelar muslim yang mana setiap golongan dan masyarakat memerlukan bimbingan dakwah ini supaya mereka tidak tersasar daripada landasan yang menuju kepada kejayaan dunia dan di akhirat. Maka berdasarkan konsep dakwah yang telah diberikan ini dapat dijelaskan bahawa PPIM (2021) melaksanakan konsep dakwah amar makruf nahi mungkar yang mana persatuan ini menjalankan kegiatan yang berunsurkan dakwah. Antara usaha dakwah yang dilaksanakan oleh persatuan ini adalah sentiasa menyeru semua pengguna Islam untuk mentaati syariat Allah dalam apa jua urusan malah persatuan ini juga menegakkan keadilan dan membanteras segala perbuatan mungkar yang dilakukan oleh pengguna serta membantu pengguna yang ditindas seperti membanteras kes pinjaman wang tidak berlesen (ah long), kes penipuan hartanah, kes salahguna kuasa malah PPIM (2021) juga mengajak pengguna untuk menyertai kempen dalam membuat kebaikan.

3.1 Konsep Amar Makruf Dan Nahi Mungkar PPIM

Salman al-Audah mengemukakan bahawa Amar makruf nahi mungkar adalah segala sesuatu yang diketahui oleh hati dan jiwa yang tenteram kepadanya, segala sesuatu yang dicintai oleh Allah S.W.T. Sedangkan nahi mungkar adalah yang dibenci oleh jiwa, tidak disukai dan dikenalnya serta sesuatu yang dikenal keburukannya secara syarie dan akal. Menurut Imam besar Ibn Taimiyah (1995) menjelaskan bahawa konsep amar makruf nahi mungkar ini adalah merupakan tuntutan yang diturunkan oleh Allah S.W.T. dalam kitab-kitab-Nya, disampaikan oleh Rasul-rasul-Nya dan merupakan sebahagian daripada syariat Islam. Adapun pengertian nahi mungkar menurut Ibnu taimiyah adalah mengharamkan segala bentuk kekejian, sedangkan amar makruf bererti menghalalkan semua yang baik kerana itu yang mengharamkan yang baik termasuklah larangan Allah S.W.T. Perintah untuk melakukan sesuatu yang baik dan melarang semua yang dikeji akan terlaksana secara sempurna kerana telah diutusny Rasulullah S.A.W. oleh Allah S.W.T. untuk menyempurnakan akhlak mulia bagi seluruh umatnya. Dalam surah al-Maidah ayat 3 dijelaskan bahawa :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَفْسِمُوا بِالْأَرْزَامِ ذَلِكَمْ فِسْقٌ الْيَوْمَ يَكْفُرُ الْكُفْرَانُ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَأَحْسِنُوا الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ۝ ۳

Maksudnya :

Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelinya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Kuridhai Islam itu jadi agama bagimu. Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Surah al-Maidah (5) : 3

Sudah jelas lagi bersuluh bahawa Allah S.W.T. telah menyempurnakan agama ini untuk kita, telah melengkapkan nikmat yang cukup kepada kita, dan Islam sebagai satu-satunya agama bagi umat manusia. Oleh kerana itu, umat Nabi Muhammad S.A.W. merupakan umat yang terbaik. Dalam Surah Ali Imran ayat 110 juga menjelaskan bahawa :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِمَّنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ۝ ۱۱۰

Surah Ali Imran (3): 110

Maksudnya :

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah S.W.T. Sekiranya Ahli Kitab beriman tentulah itu lebih baik bagi mereka yang mana diantara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

Berdasarkan ayat ini menjelaskan bahawa mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran atas iman, padahal iman merupakan dasar bagi setiap amal shalih, sebagai isyarat tentang pentingnya mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Hal ini jelas bahawa umat Islam dikenal dengan konsep amar makruf nahi mungkar dan merupakan ciri utama dalam Islam itu sendiri dan merupakan ciri utama yang membezakannya dari umat-umat yang lain. Dan Islam itu dilahirkan bagi umat manusia untuk melaksanakan kewajiban untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Sesungguhnya Allah S.W.T. yang Maha Tinggi dan Maha Kuasa mengingatkan umat Islam agar tidak lupa pada tugas utamanya dalam kehidupan ini atau bermalas-malasan dalam melaksanakannya iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hal ini dengan jelas Allah S.W.T. menegaskan bahawa umat Islam adalah sebaik-baik umat yang sentiasa berbuat ihsan sehingga keberadaannya sangat besar manfaatnya bagi segenap umat manusia. Dengan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar ini bererti menyempurnakan bahagian umat yang lain yang tidak ada yang memerintahkan untuk melaksanakan semua makruf bagi kemaslahatan seluruh umat lapisan manusia dan tidak pula melarang semua orang daripada membuat perkara yang mungkar.

Dalam hadis juga ada menjelaskan bahawa diwajibkan kepada setiap Muslim untuk melakukan usaha pelaksanaan amar makruf nahi mungkar. Dikeluarkan oleh takhrifi oleh Muslim dari hadis Ibnu Mas'ud Ra dari Nabi S.A.W. yang menjelaskan bahawa, “Tiadalah dari seorang Nabi yang diutus oleh Allah kepada suatu umat sebelum aku melainkan dari umatnya ia mempunyai penolong (hawariyyun) dan sahabat yang mereka berpegang teguh pada sunnahnya dan mengikuti perintahnya. Kemudian sesudah mereka muncul generasi-generasi penerus yang mereka mengatakan sesuatu yang mereka sendiri tidak melakukannya, dan melakukan sesuatu yang mereka tidak diperintahkan. Menurut Ibnu Taymiyah (1995) bagi yang berjihad terhadap mereka dengan tangannya, ia seorang yang beriman dan siapp yang berjihad terhadap mereka dengan hatinya, ia juga seorang beriman dan sesudah itu tidak ada sebesar sebiji sawipun iman.

Hadis-hadis tersebut dan banyak hadis-hadis lain yang menunjukkan bahawa wajibnya menentang kemungkaran (al-mungkar) hanyalah menurut kemampuan yang ada. Tetapi penentangan dengan hati adalah harus. Oleh yang demikian, jika hati tidak mahu menentang, hal ini membawa petanda telah hilangnya iman dari diri orang tersebut. Diriwayatkan oleh Abu Juhaifah, beliau menceritakan Ali Ra pernah berkata, “Sesungguhnya jihad pertama yang harus diatasi adalah jihad dengan tangan kalian, kemudian jihad dengan lisan, lalu jihad dengan hati.”. Barang siapa hatinya tidak mengetahui kebaikan (al-makruf) dan menentang kemungkaran (al-mungkar), maka ia telah merosakkan iman.

Justeru itu, Amar makruf nahi mungkar merupakan sebuah tuntutan daripada Allah S.W.T. kepada manusia yang diturunkan ajarannya melalui Nabi Muhammad S.A.W. dari umat terdahulu sehinggalah pada zaman sekarang. Banyak ayat-ayat al-Quran yang memberi peringatan dan penjelasan kepada

manusia untuk melaksanakan perintah Allah S.W.T yang menyuruh umatnya untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarangnya. Menurut al-Nawawi (1994) mentakrifkan konsep amar makruf nahi mungkar ialah mengajak, menyuruh, dan menyeru ke arah kebaikan, mencegah atau menghalang daripada melakukan perkara mungkar atau perkara yang ditegah oleh Islam. Berdasarkan kenyataan ini turut seiring dengan kenyataan Roslee Ahmad (2009) bahawa konsep amar makruf nahi mungkar ini adalah apabila menyuruh manusia melakukan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. melalui ajaran al-Quran dan melarang manusia daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengundang kemurkaan Allah S.W.T, selaras dengan tuntutan akidah dan syariat Islam. Seajar dengan itu, menurut Imam al-Ghazali (1992) dalam kitab ihya Ulumuddin juga turut mempersetujui dengan kesemua kenyataan yang berkaitan dengan konsep amar makruf nahi mungkar di atas dengan menyatakan bahawa konsep amar makruf nahi mungkar ini adalah garis lurus yang terbesar dalam agama. Hal ini dapat diperjelaskan bahawa konsep amar makruf nahi mungkar ini merupakan hal yang terpenting apabila Allah S.W.T. mengutuskan para nabi dan rasul semuanya untuk melaksanakan konsep ini. Oleh yang dimikian, jika konsep ini diabaikan dan tidak dilaksanakan maka nescaya hilanglah syiar kenabiannya. Tuntasnya, jika konsep amar makruf nahi mungkar ini tidak dilaksanakan maka akan menyebabkan umat berada dalam keadaan kesesatan, lembah kehinaan, berlakunya peningkatan kezaliman serta ketandusan cahaya ilmu, kejebatan akhlak, persengketaan dalam keagamaan, gejala sosial semakin meningkat malah perkara ini juga akan meruntuhkan isitituti keagamaan dalam setiap negeri mahupun negara dan mereka itu tidak akan merasa kebinasaan melainkan menjelangny hari kiamat.

3.2 Kewajiban Melaksanakan Usaha Amar Makruf Nahi Mungkar

Amar makruf nahi mungkar merupakan perbuatan yang sangat mulia dalam agama Islam. Pelaksanaan amar makruf nahi mungkar ini merupakan amal perbuatan para nabi dan Rasul. Usaha ini dilanjutkan kepada para pewarisnya dan akan sentiasa diamalkan oleh mereka yang menginginkan kebahagiaan akhirat. Mengenai dengan kewajiban usaha pelaksanaan amar makruf nahi mungkar ini telah banyak dibincangkan sebelum ini malaha Allah S.W.T. sangat menitik beratkan kewajiban ini sebagaimana yang telah diceritakan melalui perintah di dalam kitab Al-Quran surah Ali Imran 3:110 yang berbunyi :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ۝ ۱۱۰

Maksudnya :

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah S.W.T. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

Surah Ali Imran (3)110

Berdasarkan ayat ini, Allah S.W.T. mengungkap perkataan “Kamu” yang membawa maksud kepada segolongan orang yang beriman agar menyeru untuk melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar dan ditekankan lagi di hujung ayat diceritakan agar terhindar daripada orang fasik. Hal ini ditambahi dengan dalil di dalam hadis nabi yang menyebut (Muhyo al-Din Abi Zakariya Yahya bin Sharaf al-Nawawi. 1981)

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْبِرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya : Dari Abu Sa’id Al Khudri radiallahuanhu berkata : Saya mendengar Rasulullah shallallohu ‘alaihi wa sallam bersabda : Siapa yang melihat kemunkaran maka rubahlah dengan tangannya, jika

tidak mampu maka rubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman.

(Riwayat Muslim)

Berdasarkan dalil Al-Quran dan Hadis, perkara ini jelas bahawa usaha dalam melaksanakan perintah amar makruf nahi munkar ini sangat dituntut. Usaha ini dipertanggungjawabkan kepada seluruh manusia yang beragama Islam untuk melaksanakan perintah ini dan sekiranya perintah ini diabaikan maka sudah tentu umat Islam akan menjadi lebih teruk dalam pelbagai aspek serta akan mengundang kemurkaan Allah S.W.T.

3.3 Asal – Usul Pelaksanaan Amar Makruf Nahi Munkar

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ١١٠

Maksudnya :

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; diantara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

Surah Ali-Imran (3) : 110

Berdasarkan ayat tersebut, kewujudan manusia dipermukaan bumi ini untuk menjadi khalifah iaitu menjadi pemimpin di muka bumi ini. Merujuk kepada sejarah sirah islamiah yang mana kedatangan agama Islam bermulanya dibawa oleh Baginda Muhammad S.A.W. Hal ini jelas bahawasanya Nabi Muhammad S.A.W diciptakan di dalam dunia ini untuk memimpin ummah yang mana pada zaman Baginda agama Islam itu diturunkan secara berperingkat-peringkat bermulanya daripada kaum keluarganya dan para sahabat. Oleh yang dimikan, atas sebab perintah untuk melaksanakan dakwah yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. kepada kaum keluarga dan para sahabat maka bermula daripada itu Islam mula berkembang di tanah Arab iaitu dengan melaksanakan pendekatan pelaksanaan amar makruf nahi munkar.

Perkara ini Allah S.W.T. rakamkan di dalam Al-Quran. Firmannya di dalam Surah Al-anbiya ayat 25 :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ٢٥

Maksudnya :

Dan Kami tidak mengutus seorang Rasulpun sebelum kamu melainkan Kami wahyukan kepadanya: “Bahawasanya tidak ada Tuhan (yang hak) melainkan Aku, Maka sembahla olehmu sekalian akan aku”.

Surah Al-anbiya (21):25

Bermula daripada Nabi Adam sehinggalah kepada nabi yang terakhir iaitu Nabi Muhammad S.A.W. berusaha untuk cuba menerangkan dan mengajak manusia kepada jalan kebenaran. Oleh sebab itu, diceritakan oleh para alim ulama’ sirah yang telah menceritakan berkaitan dengan sejarah dakwah para rasul penuh dengan keagungan dan lemuliaan. Kehidupan mereka penuh dengan perjuangan dalam menegakkan kebenaran dan kebatilan (Abd Aziz Mohd Zin 1997).

Berikut adalah beberapa perkara asas yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. kepada manusia untuk menuju jalan kebenaran.

- a. Mempercayai Allah S.W.T dengan segala yang ada padaNya.
- b. Mempercayai semua Rasul dan utusan Allah S.W.T kepada manusia.
- c. Mempunyai wujudnya hari akhirat dan apa yang berlaku padanya
- d. Kelakuan dalam kehidupan yang berasaskan keimanan dan kepercayaan

3.4 Tuntutan Pelaksanaan Amar Makruf

Secara umumnya, pelaksanaan amar makruf ini merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Hal ini kerana pelaksanaan menyuruh kepada kebaikan itu merupakan satu keperluan bagi manusia. Sejalan dengan itu, keperluan yang dimaksudkan adalah bukan semata-mata hanya mengejar kepentingan di akhirat sahaja malah keperluan ini membawa maksud kepentingan kehidupan manusia yang hidup di dunia ini dan yerdapat beberapa sebab mengapa pelaksanaan amar makruf nahi munkar ini wajib dituntut ke atas semua umat Islam. Antara sebabnya adalah :

A. Masyarakat yang sakit

Berdasarkan subtopik ini, dapat dijelaskan bahawa jika dikaji kedudukan manusia dari sudut kehidupan tidak kira masyarakat Islam ataupun bukan Islam keadaan mereka sungguh tenat dan sakit. Perkara ini dapat dijelaskan berkenaan sakit di sini bukan membawa maksud sakit di tubuh badan, namun ia membawa maksud dari aspek keagamaan. Menurut Abd Aziz Zin (1997) hal ini kerana kehidupan manusia itu sendiri membiarkan kehidupan mereka bebas daripada sudut agama sehingga melakukan perkara yang mungkar. Hal ini terbukti apabila terdapat tokoh ilmuwan terbesar timur tengah asy syahid Sheikh Hasan al-Banna (1903 – 1979) telah memberikan gambaran yang jelas apa yang berlaku di Mesir di mana kehidupan sehari-hari masyarakat Mesir yang dilihatnya sendiri begitu porak peranda tanpa bimbingan agama, keadaan yang disaksikan oleh mata beliau sendiri bahawa masyarakat Islam di Mesir telah jauh dengan seruan agama. Perkara ini menuntut kepada umat Islam untuk melaksanakan usaha yang sangat besar untuk memulihkannya. (Wan Hussein Azmi 1980). Sejalan dengan itu, terdapat pandangan tokoh sarjana yang lain seperti Abu al-A'ala Mawdudi (1903 – 1979) telah memperincikan wujudnya dalam kalangan masyarakat sekarang seperti para wanita sudah berani untuk mendedahkan aurat, kebesan yang melampau dan persamaan hak yang berdasarkan hidup barat, peningkatan kes jenayah berat seperti membunuh, merogol, merompak, pengagihan dadah, arak, judi dan sebagainya yang mana menunjukkan bahawa masyarakat sekarang sedang dilanda dengan gejala-gejala kebejatan akhlak. Pernyataan ini seiring dengan apa yang dibincangkan oleh Siti Nordiana Muhammad et al (2019) yang mana beliau menyatakan dalam proses pembangunan masyarakat kini yang runding dalam kehidupan beragama perlu melakukan perubahan demi mencapai kesejahteraan hidup iaitu dengan menginduktrinasikan nilai-nilai tauhid, takwa, dan adil yang membawa kepada kemurniasn akhlak.

B. Perwatakan manusia yang jahil.

Dalam topik ini jika diteliti perjalanan hidup manusia dipermukaan bumi ini secara umumnya kita boleh pelajari bahawa perwatakan mereka ini seolah-olah tidak mampu membezakan antara kebenaran dan keburukan, dan diantara yang mana keadilan dan kezaliman. Maka dengan itu dunia telah menyaksikan kehidupan manusia itu penuh dengan gejala penipuan, perampasan, kezaliman, penganaiyaan, perhambaan, pembunuhan, dan pergaduhan di mana –mana sahaja. Mempelajari hal ini, majoriti para ahli sarjana berpendapat bahawa manusia masih lemah untuk menilai sebuah kebenaran. (Asmawati Suhid 2017). Keadaan pemikiran manusia sentiasa terdedah dengan pengaruh-pengaruh tempat, masa, keadaan, suasana, dan sebagainya membuatkan sesuatu kebenaran itu menjadi kabur dan disalah gunakan. Rentetan itu juga, seorang tokoh ilmuwan terkemuka iaitu Al-Syeikh Ali Mahfuz telah mengutarakan pandangan beliau yang mana manusia itu dimuliakan oleh Allah S.W.T. dengan kurniaan akal fikiran yang boleh membezakan antara mana yang baik dan yang buruk, mana yang hak dan mana yang batil dan jika ia dipandukan oleh satu panduan yang betul (Yadim T,I) untuk menasihati manusia dengan perkara ini, Allah S.W.T. sendiri menasihati selalu menasihati para manusia dalam al-Quran melalui ayatnya di dalam Surah al-Baqarah ayat 216 :

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَن تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ
وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٢١٦

Maksudnya :

Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagi kamu. Allah S.W.T mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui.

Surah al-Baqarah (2): 216

Natijahnya, berdasarkan ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa adanya perkara-perkara yang disukai oleh manusia, tetapi membawa kepada kebaikan jika cuba dilaksanakan, dan ada juga yang disebaliknya dan begitulah betapa jelasnya kasih sayang Allah S.W.T kepada manusia menjelaskan sesuatu perkara.

3.5 Rukun Amar Makruf Nahi Mungkar

Amar makruf nahi mungkar mempunyai empat rukun. Antara empat rukun amar makruf nahi mungkar adalah :

a) Pelaku amar makruf nahi mungkar

Syarat yang wajib ada pada pelaku amar makruf nahi mungkar hendaklah orang yang mengingkari kemungkaran tersebut adalah seorang Muslim, mukallaf (telah baligh / dewasa), dan memiliki kemampuan. Hal ini adalah syarat wajibnya mengingkari kemungkaran.

b) Orang yang melakukan kemungkaran dan meninggalkan perbuatan makruf

Orang yang diingkari sifatnya cukup sebagai seorang manusia. Tidak ada syarat bahawa orang yang diingkari haruslah mukallaf tetapi anak kecil dan orang gila pun termasuk orang yang harus diingkari kemungkarannya. Perkara ini tidak terlepas dari tiga golongan iaitu :

1. Golongan orang awam
2. Golongan ulama
3. Golongan penguasa.

Rasulullah S.A.W, bersabda :

Maksudnya : "Agama itu adalah nasihat, agama itu adalah nasihat, agama itu adalah nasihat. Mereka (para sahabat) bertanya, 'Untuk siapa, wahai Rasulullah?' Beliau menjawab, 'Untuk Allah S.W.T, kitab-Nya. Rasul-Nya, penguasa kaum muslimin dan mukmin, dan bagi masyarakat kaum muslimin.

Oleh yang demikian, sehinggakan dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar perlu kepada melihat objek yang akan disampaikan dakwah dan perlu diperincikan satu persatu kelompok masyarakat ini agar lebih jelas dan tepat dalam menyampaikan.

c) Perbuatan makruf dan kemungkaran

Kemungkaran yang wajib dibanteras oleh orang Muslim ialah kemungkaran yang terdapat padanya empat syarat. Antara empat syarat berikut adalah :

- i. Kemungkaran itu jelas dan nyata sebagai satu bentuk kemungkaran.
- ii. Kemungkaran itu sedang berlaku.
- iii. Kemungkaran itu Nampak secara jelas tanpa harus saksi.
- iv. Kemungkaran itu sudah maklum dan bukan daripada permasalahan khilaf ijthadiyyah.

d) Amar makruf nahi mungkar itu sendiri.

Sejajar dengan itu, pada bahagian ini nama lainnya adalah tatacara melakukan amar makruf nahi mungkar. Dalil tentang bagi cara mengubah kemungkaran iaitu Hadis Nabi.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْبِرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya :

Dari Abu Sa'id Al Khudri radiallahuanhu berkata : Saya mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : Siapa yang melihat kemungkaran maka rubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka rubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman.

(Riwayat Muslim)

Menurut Imam Ibnul Qayyim R.A. berkata, "menghilangkan kemungkaran memiliki empat tingkatan. Antara empat tingkatan tersebut adalah :\

- 1) Kemungkaran hilang dan digantikan dengan lawanya iaitu kebaikan
- 2) Kemungkaran berkurang walaupun tidak hilang keseluruhannya.
- 3) Kemungkaran hilang digantikan dengan kemungkaran yang sama dengannya.
- 4) Kemungkaran tersebut digantikan dengan kemungkaran yang lebih berat iaitu lebih besar.

Oleh yang demikian, tingkatan yang pertama dan kedua disyariatkan untuk dilaksanakan. Bagi tingkatan yang ketiga adalah kembali ijtihad orang yang melakukan pengingkaran, dan tingkatan yang keempat adalah haram untuk dilakukan.(Yazid Bin Abdul Qadir Jawas,t.th)

3.6 Bentuk-Bentuk Kemungkaran

Kemungkaran merupakan satu perkara atau perbuatan yang keji dan kemungkaran ini merupakan perkara yang tidak baik dari pelbagai aspek. Perbuatan kemungkaran ini merupakan perbuatan yang boleh merosakkan aspek akidah, akhlak, dan sebagainya malah perbuatan kemungkaran ini boleh mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Terdapat beberapa bentuk kemungkaran yang berlaku pada masyarakat yang perlu dicegah, antara bentuk kemungkaran yang berlaku pada masyarakat adalah :

a) Kemungkaran Aspek Akidah

Kemungkaran dari segi aspek akidah ini merupakan kemungkaran yang paling besar dalam agama. Perkara ini perlu di jauhi oleh setiap masyarakat muslim kerana akidah ini bersangkutan paut dengan kepercayaan seseorang penganut dan boleh merosakkan iman. Menurut Sabiruddin (2012) telah mendefinisikan akidah sebagai dimensi teori (Nazari) yang dituntut supaya mempercayai dan beriman kepada Allah S.W.T serta melakukan sesuatu itu bukan kerana niat yang betul. Tambahan itu juga, Allah S.W.T tegaskan dalam Al-Quran melalui ayatnya. Surah An-Nisa 4:48 :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ٤٨

Maksudnya :

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (Syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, Maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.

(Surah An-Nisa (4) : 48)

b) Kemungkaran Aspek Syariah

Seterusnya, kemungkaran yang berlaku kepada masyarakat adalah kemungkaran dari segi aspek Syariah. Jika dilihat dalam konteks masyarakat kini sudah jelas bahawa masyarakat kini sudah terjerumus dalam lembah kehinaan dengan berpuncakan lemahnya ikatan kefahaman syariah. Sebagai contoh yang dapat kita lihat kemungkaran yang berlaku pada masyarakat kini adalah kemungkaran seperti meninggalkan ibadah solat dengan sengaja, tidak mengeluarkan zakat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, tidak memperdulikan anak yatim, gejala maksiat seperti perjudian dan pesta minum arak dalam kalangan masyarakat kian berleluasa. Hal ini berpuncakan dengan tidak ada sikap kesedaran daripada kalangan masyarakat dan berani melanggar hukum syariat. Selain daripada itu, anak muda juga sekarang sudah terlibat dengan perbuatan kemungkaran yang keji seperti terlibat dengan perbuatan zina, melawan ibu bapa, para wanita berani dan bebas mendedahkan aurat mereka, berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan semua ini merupakan perkara mungkar yang sangat kritikal dan bahaya yang membelunggu dalam diri masyarakat muslim pada masa kini (M.Riza Muarriif 2016). Oleh itu, setiap apa yang berlaku ini umat Islam wajib dipertanggungjawab untuk mencegahnya.

c) Kemungkaran Aspek Akhlak

Merujuk kepada kemungkaran aspek akhlak ini ia merupakan warisan maknawi Rasulullah S.A.W. yang amat sangat bernilai dan istimewa. Hal ini kerana apa yang dilihat oleh Rasulullah S.A.W. sendiri diturunkan ke dunia ini adalah untuk menyempurnahkan akhlak manusia. Namun, menurut Asming Yalawae dan Ahmad Farid Ibrahim (2007) melihat keadaan sekarang ramai dalam kalangan masyarakat umat Islam kini terlibat dengan kemungkaran akhlak.

Perkara kemungkaran yang sering melanda kepada masyarakat kita [ada zaman sekarang iaitu kebejatan akhlak masyarakat yang terdiri daripada golongan belia, remaja, dan orang dewasa merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi berlaku dan kini turut menular di kawasan perkampungan, luar bandar dan sebagainya. Sebagai contoh kemungkaran yang sering berlaku pada masyarakat seperti bersangka buruk, berdusata, menghasut, khianat, berkata-kata buruk pada orang lain, iri hati, berlaku curang, bersikap sombong, kedekut dan sebagainya. Perkara-perkara mungkar ini berpunca bermula daripada seorang manusia yang tidak mempunyai akhlak yang baik dan boleh mengundang kesan kepada terjadinya kemungkaran yang lain. Misalnya, seseorang itu telah membuat cerita yang berbaur fitnah dan hasutan yang menyebabkan pertelingkahan di antara satu sama lain, dan terjadinya pembunuhan dan menyebabkan umat Islam bergaduh. Jadi maka perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dalam kehidupan seorang muslim dan perkara ini sama juga dengan sikap kedekut yang menyebabkan seseorang itu tidak mengeluarkan zakat kepada yang berhak menerima. (M.Riza Muarriif 2016) Justeru itu, untuk merawat dan memulihkan kemungkaran dari aspek akhlak, Ibnu Miskawayh telah menggariskan beberapa panduan bagi Umat Islam agar sentiasa dalam keadaan yang betul iaitu dengan cara pegangan agama yang kuat dan betul, berkawan dengan orang yang baik-baik, menjalani kehidupan bermasyarakat, mengetahui hakikat manusia dan sebagainya. (Siti Norliana Muhammad & Mohd Nasir Ripin 2019).

4.0 Kesan Mengabaikan Perintah Melaksanakan Amar Makruf Nahi Mungkar

Pelaksanaan amar makruf nahi mungkar merupakan satu perintah yang disyariatkan Allah S.W.T kepada semua umat Islam. Jika ia merupakan satu perintah maka sudah menjadi kewajiban untuk umat Islam melaksanakannya. Apabila sesuatu tanggungjawab dan perintah tidak dilaksanakan dan umat Islam telah berani mengabaikan dan meninggalkan untuk melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar kepada manusia, maka perkara ini telah mengakibatkan beberapa kesan buruk. Antara kesan akibat mengabaikan perintah amar makruf nahi mungkar adalah :

1. Mendapat laknat daripada Allah S.W.T

Apabila umat Islam telah meninggalkan dan mengabaikan tanggungjawab dan perintah Allah S.W.T, maka ia telah mengundang kemurkaan dan laknat daripada Allah S.W.T. Hal ini pernah berlaku pada kaum Bani Israil sebagaimana peristiwa tersebut Allah S.W.T rakamkan di dalam AL-Quran iaitu di dalam Surah al-Maidah ayat 78 hingga 79. Firman Allah S.W.T yang berbunyi :

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ٧٨ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ
فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ٧٩

Surah al-Maidah (5) :78-79

Maksudnya :

Telah dilaknatorang-orang kafir dari Bani Israil dengan lisan Daud dan Isa putera Maryam yang dimikian itu, disebabkan mereka derhaka dan selalu melampaui batas mereka satu sama lain selalu tidak melarang tindakan Mungkar yang mereka perbuat. ASesungguhnya Amat buruklah apa yang mereka yang selalu mereka perbuat itu.

Berdasarkan ayat Al-Quran di atas menjelaskan perkara ini perlu dijadikan sebagai satu iktibar dan pengajaran kepada manusia dan jalan cerita umat yang terdahulu yang mana Allah S.W.T telah melaknat kaum Bani Israil disebabkan kemaksiatan yang mereka lakukan di atas muka bumi ini. Tambahan itu juga, mereka telah melakukan perkara mungkar dan tidak terdapat seorang pun manusia yang vuba untuk mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara kemungkaran. Maka dengan ituy Allah S.W.T telah menurunkan bala iaitu dengan menenggelamkan kaum Bani Israil dengan sesuatu bala bencana sebagai laknat daripada Allah S.W.T (Salman al Audah 1998). Oleh itu, perkara ini jelas perlu diperingatkan dan diambil iktibar supaya tidak mengundang kemurkaan dan laknat Allah S.W.T akibat mengabaikan kewajiban melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar.

2. Doa tidak Di Makbulkan oleh Allah S.W.T

Doa tidak di makbulkan oleh Allah S.W.T merupakan salah satu kesan yang diperoleh akibat tidak melaksanakan perintah Allah S.W.T. Allah S.W.T menyifatkan kepada manusia apabila meninggalkan dan mengabaikan kerja-kerja usaha dakwah seperti pelaksanaan amar makruf nahi mungkar yang mana Allah S.W.T akan menanggungkan doa dan permintaanya. Pada hakikatnya, lumrah manusia apabila ditimpa musibah maka kepada Allah jua temoat dia mengadu, me,ohon, dan meminta segala bentuk macam permohonan. Hal ini Allah S.W.T jelaskan dalam kitab suci Al-Quran dalam surah an-Nahl 16 : 53 :

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ ۖ فَمِنْ اللَّهِ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمْ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْرُونَ ٥٣

Maksudnya :

“Dan apabila kamu ditimpa oleh kemudaratan, Maka hanya kepadanyalah kamu meminta pertolongan.”

Surah an-Nahl (16):53

Begitulah hakikat manusia apabila ditimpa musibah, maka ia bersegera untuk mencari Allah S.W.T dalam setiap waktu, ini kerana apabila manusia tidak hidup bertuhan maka hidupnya akan sentiasa terumbang ambing dalam setiap masa. Oleh yang demikian, sudah menjadi lumrah manusia dalam hidup itu untuk terus mencari Allah S.W.T dan terus berdoa memohon dan mengadu kepadaNya.

5.0 Adab Dalam Melaksanakan Amar Makruf Nahi Mungkar

a. Ilmu

Ilmu merupakan salah satu adab yang sangat penting dan merupakan perkara asas dalam menyampaikan dakwah kepada mad'unya. Seseorang yang melaksanakan tuntutan perintah amar makruf nahi mungkar mestilah mempunyai ilmu. Hal ini dapat diperjelaskan berilmu di sini membawa maksud seseorang itu perlu memiliki ilmu pengetahuan menegani amar makruf dan nahi mungkar berdasarkan syariat yang telah ditetapkan. Rentetan daripada ini kebanyakan yang melaksanakan perintah amar makruf dan nahi mungkar bukan disebabkan mengikut syariat yang telah ditetapkan tetapi mengikut hawa nafsu semata mata. Menurut Salman al-Audah (2015) kebanyakan manusia

kecundang dan mengingkari sesuatu perkara hanya disebabkan tidak sesuai dengan hawa nafsunya, meskipun sebenarnya perkara itu berbentuk kebaikan dan Sunnah nabi akan tetapi mereka melaksanakan tanpa ilmu pengetahuan terus menerus dalam alam kejahilan.

b. Sabar

Sifat sabar merupakan elemen yang mesti ada dalam diri seseorang yang melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar. perkara ini jelas dalam Islam sifat sabar ini sangat dipuji dan dituntut, maka sudah menjadi kekuatan untuk seseorang yang terjun dalam dunia amar makruf nahi mungkar ini untuk mengamalkan dan mempraktikkan sifat sabra dalam melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar. sejajar dengan itu, sifat sabar ini juga merupakan sunnatullah dan setiap orang yang mengajak kepada kebenaran serta kebaikan dan mencegah dari kemungkaran ini pasti akan menghadapi pelbagai bentuk ujian dan dugaan. Jika mereka tidak mengahadapinya dengan sifat sabar, maka segala bentuk kerosakan akan lebih banyak terjadi daripada sebuah kebaikan. Oleh sebab itu, Luqman al-Hakim pernah memberi wasiat kepada anaknya sebagaimana dialog mereka ini telah dirakam oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran yang berbunyi :

يٰٓاَيُّهَا اَقِيْمِ الصَّلٰوةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوْفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْاُمُوْر ۱۷

Maksudnya :

Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu) dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.

Surah Luqman (31) : 17

Begitulah sudah menjadi lumrah dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar memerlukan sifat sabar ketika melaksanakannya. Jadi seseorang yang sedang melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar hendaklah mempraktikkan sifat sabar supaya dapat membuahkan hasil yang murni dan asbab hidayah kepada mereka.

6.0 Kesimpulan

Konklusinya, penerapan konsep amar makruf nahi mungkar merupakan satu tanggungjawab yang perlu dititikberatkan dalam sesebuah organisasi atau institusi Islam seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) kerana konsep ini tidak dapat diasingkan daripada apa jua bentuk organisasi atau institusi. Hal ini kerana dapat diperjelaskan sesebuah organisasi atau institusi yang menerapkan usaha amar makruf nahi mungkar ini merupakan peranan penting dalam membentuk masyarakat muslim. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) banyak membela nasib pengguna-pengguna Islam yang ditindas dan dianaiaya dan PPIM juga banyak menyelesaikan aduan pengguna Islam mengenai kes tipu, perjudian, kes pinjaman wang tidak berdaftar (Ah-Long), dan sebagainya yang mana semua usaha ini juga dikira sebagai salah satu pelaksanaan amar makruf nahi mungkar. Oleh sebab itu, perlu disedari bahawasanya dalam menegakkan perintah amar makruf nahi mungkar memerlukan pengorbanan yang kuat, kesabaran, usaha, tenaga, dan sebagainya kerana Rasulullah S.A.W. ketika mana Baginda berdakwah dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar memerlukan kesabaran yang sangat tinggi dalam menyampaikan risalah Tauhid kepada para sahabat dan masyarakat Jahiliyah, akhirnya kesinambungan dakwah Baginda dapatlah Islam terus cemerlang, gemilang, dan terbilang di mata dunia serta diamalkan oleh para masyarakat di seluruh dunia pada hari ini. Oleh yang demikian, mana – mana pihak yang bergelar seorang muslim maka harus mengetahui peranan masing-masing apabila hidup di muka bumi Allah S.W.T ini. Hal ini kerana jika tanggungjawab usaha melaksanakan amar makruf nahi mungkar cuba diabaikan maka dibimbangi akan turun bala dan azab serta mengundang kemurkaan Allah S.W.T dan memberi kesan yang buruk kepada kita disebabkan sikap kita yang lalai dan mengabaikan tanggungjawab kita dalam menegur manusia daripada melakukan perkara maksiat.

RUJUKAN

- Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim. (2007). Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat. Jurnal Usuluddin Bil 26
- Asmawati Suhid. (2017). Pengajaran Adab & Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. Jurnal Pengajian Umum. Bil 8. Jabatan Pendidikan Bahasa Dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- al- Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. (1994). Al-Azkar. " Abd al- Qadir Al- Arna"ut (Ed). Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba"ah wa al-Nasr wa al-Tauzi"
- al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. (1998). Riyad as-Salihin. Shu"uib Al-Arna"ut (ED). Beirut: Mu"assasah al- Risalah
- al-Ghazali (2009). Bimbingan Mukmin, Ringkasan Ihya Ulumuddin, Terj Johari Yaman & Azhari Ibrahim. Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources
- Ahmad Rezuwan Mohd Yunus. (2001). Sejarah Dakwah. Kuala Lumpur. Utusan Publications
- Muhyi al- Din Abi Zakariya Yahya bin Sharaf al- Nawawi. (1981). .Shahih Muslim bi Sharhm al-Nawawi, jz. 2, Bab Bayan kawn al- Nahy 'an Munkar min al- Iman wa Anna al- Iman Yazid wa Yanqus, Beirut: Dar al-Fikr.
- M.Riza Muarraf. (2016). Konsep Penerapan Amar Makruf Nahi Mungkar Menurut Al- Quran: Kajian Pelaksanaan Oleh Fron Pembela Islam (FPI) Di Banda Aceh Indonesia. Kajian disertasi akademi pengajin Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Norita Kamaruddin. (2015). Konsep Penyiasatan Menuruk syarak. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS
- Salman al-Audah. (1998). Amar Makruf Nahi Mungkar. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Samsul Munir Amin. (2013). Ilmu Dakwah. Jakarta: Perpustakaan Nasional Amzah
- Siti Norliana Muhammad & Mohd Nasir Ripin. (2019). Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawah. Jurnal Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yadim. Tt. Kongres Dakwah Islamiah Se-Malaysia. Kuala Lumpur: Yadim.
- Wan Hussien Azmi. (1980), Isu Dakwah di Malaysia. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah
- Zaini Nasoha & Majidah Mokthar (2015). Konsep Amar Maruf Nahi Munkar Dalam Pematuhan Halal. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil 27